

02 JAN 2002

Mahathir-Mint (Bergambar)/I

DR MAHATHIR LAWAT ROYAL MINT OF MALAYSIA

SHAH ALAM, 2 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali hari ini melawat Royal Mint of Malaysia di sini dan berhari raya dengan kakitangan syarikat itu.

Ketibaan Dr Mahathir yang diiringi Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo dan Gabenor Bank Negara Tan Sri Zeti Akhtar Aziz disambut oleh pengarah urusan syarikat Datuk Megat Abdul Wahab Megat Abu Bakar.

Perdana Menteri kemudiannya menghadiri taklimat tertutup selama kira-kira 45 minit sebelum melawat kilang itu.

Dr Mahathir dan rombongan kemudiannya menyertai tetamu lain untuk jamuan Hari Raya serta menyampaikan duit raya kepada anak kakitangan syarikat, termasuk kanak-kanak dari Rumah Peyakin, Meru dan Rumah Anak Yatim Batu Belah, Kapar.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir memuji syarikat di atas kejayaannya walaupun hanya setahun beroperasi.

The Royal Mint, syarikat kembar Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd, telah diberi mandat oleh kerajaan untuk mengeluarkan wang syiling negara.

Penubuhannya adalah ekoran keputusan kerajaan menswastakan operasi pengeluaran wang syiling Bank Negara yang sebelum ini dikenali sebagai Jabatan Kilang Wang Bank Negara Malaysia.

Dr Mahathir berkata: "Ia adalah lawatan kedua beliau ke situ, dan sejak itu Mint telah berkembang dalam pelbagai bidang, tidak sahaja mengeluarkan denominasi wang syiling."

Katanya Mint telah mempelbagaikan operasinya dan kini terbabit dalam pengeluaran barangan porselin.

Dr Mahathir berkata langkah Mint itu adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk membantu ahli perniagaan Malaysia membabitkan diri dalam perniagaan francais.

Mint menyediakan perniagaan francais kepada rakyat Malaysia untuk menjual produknya termasuk syiling peringatan, katanya.

"Ia telah memberi peluang kepada ahli perniagaan untuk mencapai kecemerlangan dan meraih keuntungan daripada perniagaan, kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia, terutama mereka yang diberhentikan kerja ekoran penggabungan bank, wajar mengambil kesempatan daripada program francais Mint.

"Ketika diberhentikan, mereka diberikan wang dan menggunakan wang itu, mereka boleh membabitkan diri dalam perniagaan francais yang ditawarkan oleh Mint secara serius," katanya.

Sejak mengambil alih operasi daripada kerajaan setahun lepas, Mint telah mengeluarkan 821,561,000 wang syiling dalam edaran dan daripada jumlah itu, 224,963,000 merupakan wang syiling satu sen, 97,456,000 (lima sen), 241,140,000 (10 sen), 219,880,000 (20 sen) dan 38,122,000 (50 sen).

Mint mempunyai 14 mesin yang mampu mengeluarkan sehingga 5.5. juta syiling dalam pelbagai denominasi sehari.

-- BERNAMA

SR HK LAT